

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)29

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

29. Penamaan jalan-jalan kampung yang dinamakan tanpa ada asas-asas yang mantap menyebabkan kekeliruan kepada penduduk kampung.
- (a) Apakah kriteria yang perlu diambil bagi menamakan jalan-jalan kampung? Contohnya "Jalan Pening Lalat" yang tidak relevan.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Penamaan jalan-jalan kampung adalah termasuk dalam kategori nama geografi, iaitu kata nama khas atau istilah yang digunakan untuk mengenal pasti sesuatu entiti geografi sama ada semula jadi atau buatan manusia yang mempunyai identiti dan nilai budaya tersendiri. Nama jalan kampung bukan sahaja berfungsi sebagai penanda lokasi, tetapi turut mencerminkan identiti, warisan dan budaya masyarakat setempat di sesuatu kawasan. Piawaian nama geografi penting untuk ketepatan dalam sistem komunikasi, pengangkutan, carta dan peta, di samping

mencerminkan identiti, budaya, warisan serta landskap setempat.

Di peringkat Negeri Pulau Pinang, Garis Panduan Penentuan Nama Geografi Malaysia Edisi Tahun 2025 menjadi sumber rujukan utama kepada Jawatankuasa Negeri Nama Geografi (JNNG) dalam menentukan dan memutuskan nama geografi bagi sesuatu kawasan termasuk nama jalan kampung. Garis panduan ini disediakan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) di bawah naungan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sebagai inisiatif pembangunan infrastruktur data geospasial negara. Selain itu, Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Edisi Tahun 2018 turut digunakan sebagai sumber rujukan tambahan dalam penentuan nama geografi tertentu.

Bagi tadbir urus pengurusan nama geografi di peringkat Negeri Pulau Pinang, terdapat dua (2) jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Negeri Nama Geografi (JNNG) dan Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (JTNGN) yang

bertujuan untuk menyelaraskan dan melaksanakan penentuan nama geografi termasuk jalan kampung di peringkat negeri berdasarkan garis panduan yang sedia ada. Ahli-ahli JNNG dan JTNGN juga terdiri daripada wakil dari semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di Negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab berkaitan jalan kampung.

Sebarang permohonan baharu bagi penentuan nama geografi hendaklah terlebih dahulu dipertimbangkan di peringkat JTNGN sebelum diperaku dan disyorkan oleh JNNG untuk diangkat ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi kelulusan.

Nama geografi yang telah diluluskan oleh MMKN seterusnya perlu digazetkan bagi mengesahkan statusnya di sisi undang-undang serta diiktiraf sebagai nama rasmi oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, maklumat kelulusan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) di peringkat Persekutuan untuk tujuan pengemaskinian dalam Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan.

- (a) Kriteria-kriteria yang dipertimbangkan bagi tujuan penamaan nama geografi termasuk nama jalan kampung adalah seperti berikut:
- (i) Sebanyak 21 prinsip telah digariskan dalam Garis Panduan Penentuan Nama Geografi Malaysia sebagai kriteria bagi mempertimbangkan penamaan geografi iaitu seperti berikut:
- (1) Prinsip Pertama: Nama Rasmi atau yang Dibenarkan;
 - (2) Prinsip Kedua: Nama di bawah Bidang Kuasa Pihak Berkuasa;
 - (3) Prinsip Ketiga: Nama oleh Agensi Lain;
 - (4) Prinsip Keempat: Bahasa Rasmi;
 - (5) Prinsip Kelima: Bentuk Bahasa dan Terjemahan;
 - (6) Prinsip Keenam: Ejaan dan Sebutan;
 - (7) Prinsip Ketujuh: Bentuk dan Sifat Sesuatu Nama;
 - (8) Prinsip Kelapan: Keseragaman dalam Ejaan Nama;
 - (9) Prinsip Kesembilan: Nama Lazim yang Digunakan oleh Masyarakat;
 - (10) Prinsip Ke-10: Penggunaan Nama Orang;

- (11) Prinsip Ke-11: Menamai Sesuatu Entiti Geografi berdasarkan Batas Geografi yang Telah Dikenal Pasti;
- (12) Prinsip Ke-12: Pertimbangan untuk Menamai Entiti Geografi yang Belum Bernama;
- (13) Prinsip Ke-13: Pertindanan Nama;
- (14) Prinsip Ke-14: Perubahan Nama;
- (15) Prinsip Ke-15: Penggunaan Unsur Keterangan;
- (16) Prinsip Ke-16: Nama Entiti Geografi yang Kecil;
- (17) Prinsip Ke-17: Nama Generik;
- (18) Prinsip Ke-18: Nama Lain atau Tidak Rasmi;
- (19) Prinsip Ke-19: Nama Berbentuk Singkatan dan Nombor;
- (20) Prinsip Ke-20: Pulau dan Entiti Geografi di Dalam Pesisir dan di Luar Pesisir; dan
- (21) Prinsip Ke-21: Nama Negara Luar.

(ii) Penyediaan maklumat-maklumat oleh pemohon seperti berikut:

- (1) Nama penuh, peta lokasi, foto atau pelan yang dicadangkan untuk jalan kampung tersebut; dan

- (2) Sebab penamaan, asal usul atau sejarah nama yang dicadangkan atau nama yang diubah termasuk pengesahan daripada penduduk tempatan yang telah lama menetap.

Kesemua kriteria dan prinsip ini bertujuan dijadikan panduan dalam menyeragamkan kaedah penentuan penamaan baharu atau perubahan nama geografi di Malaysia ke arah penggunaan nama geografi yang lebih tepat dan secara tekal. Dengan adanya garis panduan ini, tidak bermakna semua nama geografi yang sedia ada perlu disemak semula dan diubah berdasarkan prinsip tersebut. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa penamaan digalakkan untuk menukar atau mengubah suai satu atau kesemua nama yang boleh menimbulkan kekeliruan, nama yang kurang tepat dari segi sebutan dan makna atau berkonotasi negatif.

Sekiranya terdapat penamaan nama jalan kampung yang dikategorikan sebagai tidak sesuai, pihak Yang Berhormat atau melalui Ketua-ketua Komuniti seperti Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) boleh

memanjangkan aduan atau mencadangkan permohonan pertukaran nama jalan kepada PDT yang terlibat di daerah masing-masing dan seterusnya pihak JNNG akan membuat proses penilaian dan kelulusan.